



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

KPM.100-3/1/20 Jld. 3 (34)
9 November 2018

Senarai Edaran

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENANGGUHAN PENGISIAN DATA DALAM SISTEM IQNILAM BAGI TAHUN 2018

Dengan sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat Kenyataan Media pada 1 November 2018 untuk menangguhkan pengisian data dalam Sistem IQNILAM bagi tahun 2018 supaya KPM boleh menyemak dan menambah baik sistem tersebut secara menyeluruh.
3. Sehubungan itu, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan. Bersama ini dilampirkan salinan kenyataan media tersebut.
4. Perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara ini amat dihargai.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

DATUK Dr. AMIN BIN SENIN
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Senarai Edaran

1. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
2. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
5. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
6. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
7. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
8. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
9. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
10. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
11. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
12. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
13. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
14. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur
15. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan WP Putrajaya
16. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan WP Labuan

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Pengarah
Bahagian Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Pengarah
Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah
English Learning Teaching Centre
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri



KENYATAAN MEDIA

PENGGUNAAN SISTEM INDEKS KUALITI NILAM (IQNILAM) DITANGGUHKAN, KAJIAN SEMAK SEMULA AKAN DILAKSANAKAN

Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) telah diperkenalkan pada tahun 1998 dan ia merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membudayakan tabiat membaca, menerapkan budaya ilmu dan melestarikan budaya membaca sepanjang hayat dalam kalangan murid.

Kaedah perekodan ini telah ditambah baik secara berterusan termasuk berpindah dari kaedah manual kepada penggunaan sistem atas talian.

Hasil penambahbaikan ini, sistem Indeks Kualiti NILAM (IQNILAM) telah dilaksanakan untuk mengurangkan beban tugas guru, khususnya dalam menjejak dan merekod prestasi bacaan murid. Guru bertanggungjawab menggunakan hasil rekod ini untuk merancang dan melaksanakan intervensi, khususnya untuk murid yang kadar pembacaan rendah, masalah membaca serta trend kurang minat membaca.

KPM ada menerima saranan dan permintaan pelbagai pihak, termasuk Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Semenanjung supaya pengisian IQNILAM dihapuskan bagi meringankan beban para guru. Oleh itu, KPM memutuskan untuk **menangguhkan** penggunaan sistem ini bagi tahun 2018 bagi membolehkan KPM menyemak dan menambah baik sistem tersebut secara menyeluruh.

Susulan keputusan menangguhkan penggunaan IQNILAM, KPM akan menambah baik sistem perekodan dalam buku rekod NILAM supaya lebih mesra pengguna. Justeru, para guru boleh mengisi data pada bila-bila masa dan tidak terikat dengan tempoh empat bulan sekali. Guru hanya perlu masukkan tiga data bacaan murid sahaja iaitu bilangan buku, bilangan bukan buku dan aktiviti susulan. Guru tidak perlu membuat sebarang pengiraan kerana ia dijana secara automatik.

Bagi Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS), bilangan fail yang perlu dikendalikan **dikurangkan** daripada 10 fail kepada tiga fail iaitu Fail Pengurusan PSS, Fail Aktiviti PSS dan Buku Stok.

KPM juga menegaskan bahawa Guru Penyelaras Bestari/ICT tidak perlu mengendalikan fail-fail Pembestarian Sekolah secara berasingan. Fail-fail berkaitan yang telah diwujudkan dalam sistem fail sekolah sudah memadai.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ARAS 5, BLOK E8, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03-8884 6206 No. Faks : 03-8884 6411

Laman Web : www.moe.gov.my

Emel : ukk@moe.gov.my

Berikutan keputusan penangguhan ini, satu garis panduan baharu berkaitan pelaksanaan IQNILAM akan dikeluarkan dalam waktu terdekat. Garis panduan baharu yang bakal dikeluarkan nanti akan mengambil kira kesan kepada beban tugas guru.



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1 NOVEMBER 2018